

*Pelajar jatuh jambatan cari 'line'*

## SKMM sedia khidmat jalur lebar melalui VSAT

**Putrajaya:** Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan melaksanakan penyelesaian sementara dengan menyediakan perkhidmatan jalur lebar kepada Kampung Gusi, Ranau, Sabah melalui teknologi *Very Small Aperture Terminal* (VSAT).

SKMM dalam kenyataan semalam, berkata, usaha itu mendapat sokongan daripada pihak Common Tower Technolo-

gies Sdn Bhd (CTT) sebuah anak syarikat milik penuh Warisan Harta Sabah Sdn Bhd, yang juga sebahagian tanggungjawab sosial korporat daripada pihak CTT.

"Pengurus Besar CTT, Law Chun Ming mengesahkan, pemasangan VSAT akan dilaksanakan selewat-lewatnya pada 15 Disember 2020.

"Selain itu, tiga menara telekomunikasi akan dibina berhampiran Kampung Gusi di

bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

"Lokasi itu dinyatakan dalam dokumen tender yang dikeluarkan oleh SKMM pada 20 November 2020," katanya.

SKMM turut menyatakan simpati terhadap insiden menimpa tiga pelajar berkenaan yang dilaporkan terjatuh ketika menyusuri jambatan gantung untuk mendapatkan rangkaian internet bagi mengikuti kelas

dalam talian, baru-baru ini.

Kenyataan itu menyebut, pihaknya sempat bertemu dengan Ketua Kampung Gusi, Galam Abdullah untuk bertanyakan khabar mengenai keadaan ketiga-tiga pelajar berkenaan.

SKMM turut menasihati semua pelajar untuk tidak membahayakan diri dalam usaha mencari capaian internet.

Media sebelum ini melaporkan tiga pelajar yang sedang

mencari akses internet untuk mengikuti kelas dalam talian, terjatuh dari jambatan gantung yang runtuh di Kampung Gusi, pada 23 November lalu.

Kejadian dipercayai kira-kira jam 9 malam membabitkan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ulu Sugut.

Akibat kejadian, seorang daripada mereka patah kaki dan kini dirawat di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.